



## Perubahan sosioekonomi komuniti orang Asli Jakun akibat Rancangan Penempatan Semula: Satu kajian kes di RPS Runchang, Pahang

Lee Hou Zei<sup>1</sup>, Vivien W.C. Yew<sup>1</sup>, Azima A.M.<sup>1</sup>, Mal Kong Sia<sup>2</sup>, Geraldine K.L. Chan<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

<sup>2</sup>Jabatan Ukur Bahan, Kolej Universiti Tunku Abdul Rahman

Correspondence: Vivien W.C. Yew (email: vivienyew@ukm.edu.my)

### Abstrak

Masyarakat orang Asli merupakan masyarakat peribumi di Semenanjung Malaysia. Sehubungan itu, dalam menentukan indeks Kesejahteraan Hidup Malaysia, indeks kesejahteraan orang Asli perlu dikira bersama. Dalam usaha untuk mencapai kesejahteraan hidup masyarakat orang Asli, Rancangan Penempatan Semula (RPS) telah memindahkan mereka dari kawasan pendalaman ke kawasan pinggir bandar bermula pada Rancangan Malaysia Keempat (1980-1985). Program ini telah menyusun dan membangunkan pembangunan sosial dan ekonomi di penempatan orang Asli. Penempatan semula orang Asli ini membawa perubahan dalam kehidupan mereka terutamanya aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Pembangunan sosioekonomi ini menyebabkan berlakunya kemusnahan sumber hutan yang sebelum ini menjadi kebergantungan hidup kepada komuniti orang Asli. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perubahan sosial, ekonomi dan kesan RPS kepada komuniti orang Asli Jakun di RPS Runchang, Pekan, Pahang. Bagi mencapai tujuan tersebut, temu bual mendalam telah dilakukan terhadap 11 informan untuk mengetahui perubahan kehidupan yang dialami oleh penduduk di RPS Runchang. Analisis data kajian ini menunjukkan terdapat perubahan sosioekonomi dalam aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan setelah program penempatan semula dilaksanakan. Aspek kesihatan mengalami perubahan secara menyeluruh berbanding dengan aspek ekonomi dan pendidikan. Sehubungan itu, bersama-sama dengan aspek kesihatan, aspek sosioekonomi yang lain ini perlu diberikan perhatian dalam proses pembangunan orang Asli di negara ini bagi memastikan peningkatan dalam indeks Kesejahteraan Hidup masyarakat orang Asli dan indeks kesejahteraan hidup Malaysia umumnya.

**Kata kunci:** masyarakat peribumi, minoriti, orang Asli, perubahan, Rancangan Penempatan Semula, sosioekonomi

## **Resettlement Programme and its impact on socioeconomic development of orang Asli Jakun: A case study of the RPS Runchang, Pahang**

### **Abstract**

Orang Asli communities are indigenous communities in Peninsular Malaysia. In this regard, in determining the Malaysian Wellbeing Index, indigenous welfare indices should also be calculated together. In order to achieve the wellbeing of indigenous people, the Relocation Plan (RPS) has moved them from remote areas to suburban areas. This Resettlement Programme of orang Asli is commonly called as RPS (*Rancangan Penempatan Semula*) begins since the Fourth Malaysia Plan (1980-1985). RPS aims to improve the socioeconomic development of the settlements of orang Asli. The resettlement of orang Asli has brings about changes in the indigenous livelihood especially in terms of economy, health and education. However, this socioeconomic development has also resulted in the destruction of forest resources of which orang Asli communities have been known to be relying on forests for food and forest resources. This study aims to identify social, economic and RPS impacts to the orang Asli Jakun community at RPS Runchang, Pekan, Pahang. To achieve this goal, in-depth interviews have been conducted on 11 informants to study the socioeconomic status of the indigenous people living in the RPS village of Runchang, Pekan. The analysis of this study shows that there are socioeconomic changes in the aspects of economy, health and education after the resettlement program. The health aspect has undergone a holistic change over the economic and educational aspects. Therefore, together with the health aspect, other socioeconomic aspects of the indigenous community need to be given attention in the development process to ensure improvement in the Indigenous Peoples' Wellbeing index and the wellbeing index of Malaysian generally.

**Keywords:** indigenous communities, minority, orang Asli, changes, Resettlement Programme, socioeconomic

### **Pengenalan**

Sejak tahun 1957, terdapat usaha khas dibuat dalam bentuk Rancangan Pembangunan Lima Tahun untuk membawa pembangunan sosial dan ekonomi di Semenanjung Malaysia. Lebih daripada 50 tahun, pembangunan sosioekonomi Malaysia telah dibentuk melalui proses evolusi dari negara berpendapatan rendah yang bergantung kepada sektor pertanian dan komoditi kepada sebuah negara yang berdasarkan ekonomi yang pelbagai dan terbuka serta mempunyai hubungan yang kuat dengan negara-negara maju. Melalui Rancangan Lima Tahun Pembangunan, kerajaan Malaysia berusaha meningkatkan perpaduan negara dengan menekankan integrasi sosial serta mengutamakan pengagihan pendapatan dan peluang pekerjaan yang saksama. Matlamat ini dicapai melalui pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berkongsi manfaat pertumbuhan sosioekonomi dengan semua peringkat masyarakat bagi tujuan memperbaiki semua ahli dalam masyarakat Malaysia (EPU, 2015; Khoso & Yew, 2015).

Menurut Laporan Kesejahteraan Hidup Malaysia 2013 atau “*Malaysian Well-being Report 2013*” yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Ekonomi (2013), rakyat Malaysia, khasnya masyarakat perdana kini menikmati perkhidmatan yang lebih baik daripada segi akses kepada komunikasi, pendidikan, kesihatan, perumahan dan pengangkutan. Mengikut laporan tersebut, kesejahteraan rakyat Malaysia telah meningkat dengan ketara dalam tempoh

12 tahun yang lalu serta menikmati keperluan asas yang lebih baik. Keadaan hidup juga dipertingkatkan melalui peningkatan penginapan dan kemudahan asas, pemuliharaan alam sekitar yang lebih baik dan peningkatan keselamatan awam. Tambahan lagi, rakyat juga dapat menikmati aktiviti kebudayaan serta turut serta dalam aktiviti sosial dan komuniti. Pada keseluruhannya, peningkatan taraf dan kualiti hidup rakyat Malaysia banyak dikaitkan dengan pelbagai dasar dan program kerajaan iaitu masyarakat perdana khasnya telah mengambil bahagian dalam pembangunan sosioekonomi neagara.

Berdasarkan kandungan Laporan Kesejahteraan Hidup Malaysia 2013 (Jabatan Perancang Ekonomi, 2013) yang menentukan indeks kesejahteraan hidup yang sama untuk semua rakyat di Malaysia serta asas pengiraan laporan tersebut yang banyak berpandu kepada tahap sosioekonomi semua komuniti di Malaysia. Dalam keadaan tersebut, komuniti Orang Asli disamakan dengan komuniti yang lain dalam masyarakat arus perdana. Masyarakat Orang Asli sering dipersoalkan taraf dan kualiti hidup mereka (Devamany, 2013; Abdullah et al., 2015) yang pada umumnya dikaitkan dengan isu kemiskinan akibat Rancangan Penempatan Semula (RPS) oleh kerajaan Malaysia. Mereka sering dikaitkan dengan isu kekurangan kemudahan asas dan tahap pendidikan yang rendah. Faktor-faktor ini sering dikaitkan menjadi penghalang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat orang Asli. Oleh itu, kajian ini bertujuan mendalamai kesan perubahan sosioekonomi yang dialami oleh komuniti orang Asli setelah terlibat dalam RPS di Runchang, Pahang. Perubahan sosioekonomi yang dikaji adalah dalam aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan.

### **Kajian literatur**

Masyarakat orang Asli adalah peribumi di Semenanjung Malaysia, merupakan kumpulan minoriti yang hanya seramai 178,197 orang, iaitu 0.7 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia pada 2010 (Statistik Banci Jabatan Kemajuan Orang Asli) (JAKOA, 2011). Mengikut pendekatan sains sosial, orang Asli di Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada tiga kelompok besar, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto. Setiap kelompok kemudiannya dipecahkan kepada enam suku kecil yang berjumlah 18 suku kaum, mengikut budaya mereka, bahasa, agama, ekonomi, organisasi sosial dan ciri-ciri fizikal setiap suku kaum. Namun, dalam usaha untuk mengatasi jurang perkembangan pembangunan yang pesat dengan masyarakat arus perdana, masyarakat orang Asli diletakkan di semua peringkat pembangunan, bermula daripada yang paling asas kehidupannya sehingga kepada komuniti yang sudah berkembang maju setara dengan masyarakat arus perdana (Benjamin, 1976).

Pada masa kini, Rancangan Penempatan Semula (RPS) telah membawa komuniti orang Asli dalam arus perdana. Rancangan Penempatan Semula telah memindahkan mereka dari kawasan pedalaman ke kawasan pinggir bandar (Nicholas, 2000). Menurut Carey (1976), sebelum RPS diwujudkan, satu dasar penempatan semula orang Asli di luar hutan telah dilakukan oleh pihak British. Pewujudan dasar penempatan semula orang Asli pada masa dahulu adalah untuk menjaga keselamatan negara iaitu bagi menghalang pergerakan pengganas komunis dalam kalangan orang Asli dan menyekat perkembangan pengaruh subversif. Rancangan Penempatan Semula orang Asli (RPS) dirancang pada pertengahan tahun 1970-an iaitu bagi mengumpul semula orang Asli yang tinggal di sepanjang Banjaran Titiwangsa yang disebabkan halaman perkampungan mereka tenggelam akibat daripada pembinaan empangan. Oleh itu, objektif penempatan semula orang Asli telah berubah daripada menjaga keselamatan negara kepada meningkatkan sosioekonomi komuniti orang Asli.

Usaha penempatan semula telah mengubah persekitaran penempatan komuniti orang Asli daripada persekitaran hutan kepada persekitaran pembangunan sosioekonomi yang

dirancang oleh kerajaan. Perubahan persekitaran ini menyebabkan berlakunya kejutan budaya serta kesukaran kepada komuniti orang Asli dalam mengadaptasi terhadap persekitaran yang baharu (Hassan, 1989). Kesukaran menjalani kehidupan selepas penempatan semula adalah kerana mereka hilang kemahiran dalam menjalankan kehidupan di mana kemahiran kehidupan yang diamalkan sebelum ini tidak sesuai diaplikasikan pada persekitaran yang baru selepas penerimaan penempatan semula (Asnarulkhadi & Hanani, 2008). Justeru itu, usaha penempatan semula orang Asli telah membawa perubahan sosioekonomi dalam komuniti ini.

Hanita Hanim (2010) telah menjalankan kajian dalam melihat tahap kejayaan dasar dan pembangunan RPS. Antara dasar dan pembangunan yang dilaksanakan dalam program RPS adalah dalam bidang pendidikan, kesihatan dan ekonomi. Kajian ini mendapati bahawa rancangan kesihatan merupakan sebuah rancangan yang paling berjaya berbanding dengan dua rancangan yang lain dalam tempoh kajian 1970 hingga 1990. Kejayaan ini adalah kerana rancangan kesihatan yang dilaksanakan dapat dilihat dalam waktu yang singkat berbanding dengan dua rancangan tersebut. Rancangan pendidikan adalah rancangan yang sukar untuk dijayakan kerana komuniti orang Asli tidak memberi komitmen terhadap dunia pendidikan. Segala kekangan yang dihadapi ini menyebabkan komuniti orang Asli menikmati rancangan pembangunan secara perlahan.

Kegagalan RPS dalam meningkat taraf pendidikan komuniti orang Asli juga dapat dilihat melalui kajian yang dilakukan oleh Siti Nor et al. (2012). Kajian mendapati keciciran pendidikan orang Asli masih belum dapat diatasi selepas lebih 30 tahun berlalu. Masih ramai pelajar orang Asli hanya mendapat pendidikan sehingga sekolah rendah sahaja. Begitu juga dengan jenis pekerjaan yang dilakukan masih tidak banyak yang berubah menyebabkan lebih 90 peratus peserta RPS Banun berada di bawah garis kemiskinan. Kajian ini juga menunjukkan tidak banyak perubahan yang berlaku khususnya daripada segi ekonomi kepada peserta RPS Banun semenjak penubuhannya. Rata-rata peserta masih meneruskan kehidupan dengan menjalankan kegiatan ekonomi tradisi seperti sebelumnya melalui pengumpulan hasil hutan. Malahan, ramai yang kembali ke kampung asal atau negeri asal untuk meneruskan kehidupan. Keadaan yang berlaku ini amat menyulitkan. Ini kerana bentuk pembangunan yang tidak dirancang khusus untuk mereka menjadikan masyarakat ini lebih tertekan. Namun begitu, dalam kajian Devamany (2013), program RPS didapati telah berjaya meningkatkan kualiti hidup komuniti orang Asli. Tahap kepuasan orang Asli telah meningkat berbanding dengan penempatan mereka terdahulu.

## Metod kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kaedah temu bual mendalam. Kaedah temu bual mendalam memberi peluang untuk memahami pandangan subjek kajian mengenai cara hidup, pengalaman ataupun situasi sosial seperti yang diungkapkan dalam bahasanya sendiri (Taylor & Bogdan, 1984). Kaedah temu bual dalam kajian ini hanya melibatkan temu bual mendalam bersama komuniti orang Asli Jakun di RPS Runchang. Informan utama (*key informant*) dalam kajian ini adalah Tok Batin iaitu ketua penduduk orang Asli. Pengalaman, kepercayaan dan aktiviti sehari-hari manusia adalah berbeza. Oleh itu, kaedah temu bual dapat membantu dalam mengumpul maklumat yang mendalam terhadap pengalaman, sikap dan pemikiran komuniti orang Asli di kawasan kajian. Menurut Merriem (1998), kaedah ini bersifat fleksibel dan membolehkan informan menghuraikan perkara yang difikirkan kepada penyelidik.

Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan dengan memilih sampel ketua isi rumah yang berumur 40 tahun ke atas. Tujuan pengambilan responden yang berumur 40

tahun ke atas adalah kerana golongan ini pernah berada di situasi sebelum dan selepas projek RPS di Runchang. Oleh itu, dapatan kajian ini adalah lebih tepat untuk mendapatkan maklumat mengenai corak kehidupan komuniti orang Asli sebelum dan selepas projek RPS. Kajian ini melibatkan seramai 11 informan yang berumur dalam lingkungan 27 tahun hingga 84 tahun. Namun begitu, terdapat dua informan yang berumur 40 tahun ke bawah. Pemilihan dua informan ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai isu masalah sosial di penempatan tersebut. Kedua-dua informan tersebut merupakan ketua pemuda dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di kampung tersebut. Oleh itu, mereka mengetahui keseluruhan tingkah laku golongan belia di penempatan tersebut.

Selain daripada 11 orang informan yang menjadi unit analisa kajian, seorang guru sekolah khas ditemui bual secara ringkas untuk mendapat maklumat dengan tujuan menjadikan proses triangulasi dengan maklumat informan yang memberi pandangan tentang kehadiran pelajar-pelajar ke sekolah sepanjang sesi persekolahan.

Analisis data kajian yang dilakukan adalah melalui proses memeriksa, mengkategorisasi, menjadual atau kombinasi beberapa pernyataan bagi menunjukkan keseluruhan dapatkan penyelidikan (Newman et al., 2006). Pada peringkat awal, data diperiksa untuk menentukan samada ianya sesuai untuk kategori yang dikehendaki. Menurut Marvasti (2004), pengurangan data adalah langkah pertama untuk menganalisis data kualitatif. Pengurangan data membolehkan data-data yang tidak sesuai atau tidak berguna dikurangkan menjadi data lebih bermakna dan tersusun. Melalui proses ini, data ditapis untuk memudahkan analisis dan interpretasi data kajian. Pada peringkat interpretasi data, tema yang timbul daripada maklumat informan telah diberi interpretasi secara umum untuk menggambarkan perubahan sosioekonomi dalam komuniti orang Asli Kampung RPS Runchang, Pekan.

## Hasil kajian dan perbincangan

### Profil responden

Seramai sebelas orang informan telah terlibat dalam sepanjang kajian ini. Latar belakang demografi mereka boleh dilihat dalam Jadual 1.

Jadual 1. Profil demografi informan

Nama	Umur (tahun)	Jantina	Tahap Pendidikan	Status kahwin	Pekerjaan	Pendapatan bulanan (RM)
Pi	74	Perempuan	Tidak bersekolah	Ibu tunggal	Suri rumah	700.00
Himpa	84	Lelaki	Tidak bersekolah	Berkahwin	Tidak bekerja	700.00
Rahmat	56	Lelaki	SPM	Berkahwin	Ketua Kampung & Petani	2,000.00
Salong	56	Lelaki	Tidak bersekolah	Berkahwin	Petani & kutip hasil hutan	1,000.00
Mak Long	46	Perempuan	PMR	Ibu tunggal	Petani	100.00
Mak Bidi	46	Perempuan	PMR	Berkahwin	Suri rumah	700.00
Hashim	36	Lelaki	SPM	Berkahwin	Agopolitan	1,008.00
Salim	56	Lelaki	Tidak bersekolah	Berkahwin	Petani	800.00
Johari	60	Lelaki	Tidak bersekolah	Berkahwin	Kerja Kampung	200.00
Kairul	34	Lelaki	SPM	Berkahwin	Pustakawan	1,500.00
Hafizan	27	Lelaki	SPM	Berkahwin	JKKK & Agopolitan	1,344.00

Setiap informan diberi nama pengenalan diri yang bukan nama sebenar mereka. Encik Hafizan yang berumur 27 tahun merupakan informan termuda, manakala Tok Himpa yang berumur 84 tahun merupakan informan paling berusia dalam kajian ini. Umur informan semasa kajian dijalankan adalah antara 27 tahun hingga 84 tahun. Seramai tiga orang informan berusia di bawah 40 tahun, dua orang informan dalam lingkungan 40-an, tiga orang informan yang berumur dalam lingkungan 50-an dan tiga orang informan merupakan warga emas berumur melebihi 60 tahun.

Dalam aspek pendidikan, seramai enam orang informan bersekolah, manakala lima orang informan lagi tidak bersekolah. Bagi yang bersekolah, seramai empat orang informan berpendidikan tahap SPM, manakala dua orang informan lagi berpendidikan tahap PMR. Bagi status perkahwinan pula, majoriti atau sembilan orang informan masih berkahwin dan dua orang informan lagi berstatus ibu tunggal disebabkan bercerai dan kematian suami. Berhubung dengan pekerjaan pula, terdapat tiga orang informan tidak bekerja dan menjadi suri rumah tangga, lima orang informan menjalankan kerja kampung seperti petani dan mengutip hasil hutan, dua orang informan bekerja dalam sektor swasta iaitu agropolitan dan hanya seorang informan bekerja dalam sektor awam sebagai pustakawan. Dari segi tahap pendapatan bulanan pula, dua orang informan mempunyai pendapatan di bawah RM500.00, empat orang informan memperolehi pendapatan RM700.00 hingga RM800.00, empat orang informan berpendapatan lingkungan RM1,000.00 hingga RM1,500.00 dan seorang informan berpendapatan RM2,000.00. Mereka yang mempunyai pendapatan dibawah RM500.00 adalah kerana mereka tidak menerima dividen kelapa sawit.

### *Perubahan sosioekonomi*

Pembangunan sosioekonomi di penempatan orang Asli telah mengubah persekitaran penempatan mereka dan keadaan ini telah membawa perubahan sosioekonomi dalam kalangan komuniti orang Asli. Perubahan sosioekonomi yang dikaji dalam kajian ini adalah berkaitan dengan aspek ekonomi, kesihatan dan pendidikan. Dalam membincangkan ketigatiga aspek dalam perubahan sosioekonomi, perubahan dalam setiap aspek itu yang diperolehi hasil kajian lapangan diberi analisis yang terbahagi kepada dua iaitu perubahan positif dan perubahan negatif.

#### a. Perubahan ekonomi

Dalam aspek ekonomi, dapatan kajian menunjukkan bahawa komuniti orang Asli di Runchang sebelum menerima program RPS adalah menjalankan pekerjaan mengutip hasil hutan. Majoriti mereka pada masa itu mencari rotan sebagai sumber pendapatan utama untuk menyara keluarga mereka. Rotan merupakan sumber rezeki mereka pada masa itu. Namun begitu, harga rotan ketika itu adalah sangat murah. Oleh itu, pendapatan yang mereka peroleh adalah tidak menentu. Mereka hanya memperolehi pendapatan bulanan hasil jualan rotan adalah sekitar RM20.00 hingga RM30.00. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Emm... dulu-dulu orang kampung buat kerja kampung saja cari makan... kutip rotan di hutan dekat-dekat sini... dulu harga rotan murah berbanding sekarang... dulu rotan tokey ambil sebatang kadang-kadang 20 sen, ada masa-masa 30 sen. Dulu banyak rotan di hutan ini. Rotan yang kutip jual satu ikat... satu ikat ada 100 batang... rotan ini jual bagi Orang Cina dan Melayu di Paloh Hinai... duit yang dapat tidak tentu... kadang-

kadang dapat lah 30 hinggit (ringgit), kadang-kadang 20 hinggit (ringgit)... boleh lah guna untuk cukup-cukup makan”.

Selain daripada aktiviti mencari rotan, komuniti orang Asli yang ditempatkan jauh dari hutan telah menjalankan pekerjaan penangkapan ikan di Sungai Bebar. Komuniti orang Asli yang tinggal berhampiran dengan sungai menjadikan pekerjaan ini sebagai pekerjaan utama mereka, manakala mereka yang tinggal jauh dari kawasan sungai menangkap ikan sebagai sumber protein. Pekerjaan menangkapan ikan mampu memperoleh pendapatan sekitar RM30.00 hingga RM40.00 dalam seminggu. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Orang kampung tinggal di tepi sungai menangkap ikan untuk jual. Orang sini (merujuk penduduk tinggal di atas bukit jauh dari sungai) kadang-kadang tangkap ikan buat makan sendiri... mereka tangkap ikan tapah, ikan toman, ikan haruan, ikan baung... tidak menentu hasil ikan ditangkap, kadang-kadang ada, kadang-kadang tiada... besar saja yang jual, kecil buat makan sendiri... jual bagi orang Cina toke-toke (pemilik) restoren... kadang-kadang seminggu dapat lah 30 hingga 40 hinggit, bergantung pada jumlah ikan ditangkap... orang dulu tangkap pakai lukah dengan taju buat sendiri”.

Komuniti orang Asli kaum wanita juga menjalankan pekerjaan sampingan untuk menambahkan sumber pendapatan. Golongan wanita membuat tikar mengkuang sekiranya terdapat tempahan daripada masyarakat luar. Namun begitu, penerimaan tempahan adalah sangat jarang disebabkan jarak yang jauh antara penempatan mereka dengan jalan utama. Harga tempahan tikar bergantung kepada saiz dan corak tikar yang ditempah oleh pembeli. Kebiasaan harga tikar dijual pada harga RM10.00 hingga RM30.00 satu unit. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan berikut:

“...Di sini ada orang membuat tikar mengkuang... nenek pun buat tikar mengkuang dulu. Sekarang tak buat dah sebab susah nak jumpa pokok mengkuang... dulu nenek buat untuk guna sendiri... kadang-kadang ada juga yang jual kalau ada orang nak beli... biasa nenek jual 10 hinggit, ada yang sampai 30 hinggit... dulu nenek cari daun mengkuang di sungai. Bawa balik jemur kering. Lepas itu nipiskan daun. Lepas itu, nenek pun menjalin tikar... biasa satu tikar boleh siap dalam tiga hingga empat hari”.

Selepas penempatan orang Asli di Runchang menerima Program RPS, ekonomi penduduk tersebut mengalami perubahan yang ketara, di mana komuniti orang Asli telah melibatkan diri dalam sektor kerajaan dan swasta selain daripada pekerjaan di kampung seperti pertanian dan mengutip hasil hutan. Berdasarkan data profil perkampungan Runchang dari JAKOA daerah Pekan, pekerjaan penduduk RPS Runchang ditunjukkan dalam Jadual 2.

**Jadual 2.** Pekerjaan penduduk RPS Runchang

Jenis Pekerjaan	Peratusan (%)
Swasta	20
Petani	30
Berniaga	1
Mencari tunggul kayu	49
Sumber: JAKOA (2012)	

Hampir separuh penduduk orang Asli di penempatan ini mencari tunggul-tunggul kayu kesan daripada aktiviti pembalakan dahulu, 30.0% lagi menjalankan aktiviti pertanian, 20.0% terlibat dalam sektor swasta dan hanya satu peratus sahaja menjalankan pekerjaan perniagaan kedai runcit di penempatan tersebut.

Dari segi pekerjaan pertanian, terdapat perubahan dalam kaedah pertanian yang diamalkan oleh komuniti orang Asli. Sebelum RPS, orang Asli mengamalkan pertanian pindah dan tanaman yang ditanam adalah jenis tanaman kontan seperti ubi kayu, ubi keledek dan sayur-sayuran. Kini mereka telah membuka kebun getah secara kecil-kecilan berhampiran dengan rumah mereka. Perubahan amalan pertanian ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“... dulu-dulu orang tua menanam berpindah-pindah... dari Sungai Bebar sikit-sikit berpindah ke atas bukit... sekarang orang kampung dah buka kebun... ada dekat tepi rumah ada juga di hujung kampung situ... sekarang mereka dah tanam getah... makcik juga tanam getah... situ haaa kebun getah makcik... dulu harga getah murah, satu ringgit sembilan posen satu kilo... sekarang mahal sikit... baru ni makcik jual satu kilo dapat lah dua hingga lapan puloh sen... satu minggu dapat lah RM50.00 hingga RM60.00”.

Terdapat juga sebilangan kecil komuniti orang Asli yang membuka ladang kelapa sawit. Buah kelapa sawit akan diangkut sendiri dan dihantar ke kilang kelapa sawit yang terletak di Bandar Muadzam Shah. Hasil jualan buah kelapa sawit adalah sekitar RM700 hingga RM1,300 dalam sebulan. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Terdapat juga orang kampung buka ladang kelapa sawit... ladang-ladang kelapa sawit ada kat tengah kampung sana... biasa buah kelapa sawit diangkat sendiri dan jual kat kilang di Muadzam Shah... jual buah kelapa sawit boleh lah dapat RM700.00 hingga RM1300.00 dalam satu bulan. Bergantung kepada jumlah tan buah yang jual”.

Pekerjaan pertanian yang diusahakan oleh komuniti orang Asli adalah meliputi menoreh getah, mengutip getah sekerap, mengait tandan kelapa sawit dan membersihkan ladang. Walaupun pekerjaan ini nampak remeh, tetapi hasil pendapatan yang diperoleh setiap bulan mampu untuk menyara kehidupan keluarga mereka. Pendapatan yang diperoleh adalah sekitar RM700 hingga RM1300 sebulan. Pada masa yang sama, komuniti orang Asli di RPS Runchang juga menerima dividen kelapa sawit sebanyak RM700 dan RM300 sebulan. Seramai 448 ketua isi rumah yang menerima dividen kelapa sawit tersebut. Pemberian dividen ini telah membantu dalam penambahan sumber pendapatan komuniti orang Asli di penempatan ini.

Terdapat juga penduduk komuniti orang Asli yang terlibat dalam pekerjaan sektor penternakan iaitu bekerja di agropolitan. Komuniti orang Asli yang terlibat dalam sektor ini akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga kambing penternakan di bawah jagaan masing-masing. Seramai 102 ketua isi rumah komuniti orang Asli yang terlibat dalam sektor agropolitan tersebut. Pendapatan bulanan yang diperoleh oleh komuniti orang Asli yang terlibat dengan agropolitan adalah sebanyak RM1,008 dengan bekerja selama 6 jam sehari. Sektor agropolitan ini telah membawa banyak perubahan kepada komuniti orang Asli yang terlibat dalam pekerjaan ini. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“... Agropolitan ini telah banyak membantu meningkatkan taraf hidup Orang Asli tempatan... boleh lihat ramai dah penduduk kampung ini (merujuk

kepada mereka yang bekerja di Agropolitan) memiliki kenderaan sendiri... mereka dah ada kereta, ada moto (motosikal), (sambil menunjuk jari kearah kenderaan di sekitar penempatan kuartes agropolitan)”.

Oleh itu, terdapat perubahan ekonomi dalam komuniti orang Asli di RPS Runchang. Sebelum mereka menerima program RPS, ekonomi mereka bersifat tradisional iaitu mencari rotan dan menangkap ikan sebagai pekerjaan utama. Pendapatan yang diperoleh juga adalah sangat kurang iaitu hanya sekitar RM100 dalam sebulan. Setelah komuniti orang Asli di Runchang menerima program RPS, taraf ekonomi mereka bertambah baik. Perubahan ekonomi dalam dapatan kajian ini menepati dengan perancangan Rancangan Malaysia ke-10 (Unit Perancang Ekonomi, 2010) melalui program pembangunan dan bantuan peningkatan keupayaan telah berupaya merubah ekonomi orang Asli pada masa kini. Terdapat orang Asli telah melibatkan ekonomi yang lebih maju dan berdaya saing seperti peniagaan, perladangan dan restoran.

Namun begitu, terdapat juga masalah kemiskinan masih berlaku dalam kalangan komuniti orang Asli di RPS Runchang. Profil responden mendapati bahawa terdapat jurang perbezaan pendapatan yang ketara. Pendapatan paling rendah adalah RM200 manakala pendapatan yang paling tinggi adalah RM2,000. Menurut laporan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2015), mereka yang dikategorikan sebagai miskin tegar adalah berpendapatan bulanan kurang daripada RM580, manakala kategori miskin adalah pendapatan bulanan kurang daripada RM940. Oleh itu, masih terdapat komuniti orang Asli yang kekal berada di bawah garis kemiskinan setelah menerima penempatan semula. Perkara juga pernah dinyatakan dalam kajian Mustaffa (2004, 2008) dan Nicholas (2000) di beberapa RPS orang Asli mendapati pencapaian program pembangunan orang Asli setelah 50 tahun merdeka masih kurang memuaskan. Objektif pembasmian kemiskinan melalui pelaksanaan projek pembangunan di RPS orang Asli masih belum berjaya sepenuhnya.

#### b. Perubahan kesihatan

Dalam aspek kesihatan, komuniti orang Asli di Runchang mengamalkan perubatan tradisional sebelum menerima program Rancangan Penempatan Semula. Mereka menggunakan ubat-ubat kampung seperti herba-herba tumbuhan dalam merawat penyakit. Semasa bersalin juga turut menggunakan kaedah kampung dengan khidmat bidan kampung.

“... masa-masa akong (merujuk kepada atuk) menggunakan ubat kampung... dulu nenek juga menggunakan ubat kampung. Sekarang tak guna dah... masa tu pokok herba guna untuk rawat sakit... dulu pokok tu banyak... nenek tak tahu dah guna pokok-pokok tu... tak kenal dah... akong tak ajar nenek masa dulu... dulu orang kampung bersalin di kampung guna bidan kampung... nenek pun sama macam tu dulu”.

Jadual 3 menunjukkan jenis pokok-pokok herba yang digunakan oleh komuniti orang Asli Jakun di kawasan RPS Runchang untuk merawat penyakit.

**Jadual 3.** Jenis tumbuhan dan penyakit yang dirawat

Jenis tumbuhan	Kegunaan
Bakong	Merawat sakit tulang
Mascotek	Mengawal tahap gula di badan
Tunjuk Langit	Merawat demam dan batuk
Akar Resdung	Merawat sakit hidung dan dada
Paku Miding	Merawat demam
Mempulih	Merawat luka patuk ular
Bulu Ayam	Merawat Benggi dan sakit kepala
Ribu-ribu	Merawat keracunan makanan
Halban	Merawat keracunan makanan

Jadual 3 menunjukkan pokok herba yang digunakan komuniti orang Asli dalam perubatan tradisional. Pokok-pokok herba ini masih terdapat di sekitar penempatan orang Asli tetapi susah untuk dicari pada masa kini. Namun begitu, generasi baru kini tidak tahu tumbuhan-tumbuhan tersebut digunakan oleh nenek moyang mereka untuk perubatan. Perkara ini dapat dilihat melalui perbualan antara penyelidik dengan dua informan muda seperti berikut:

Penyelidik: “Adakah abang tahu tumbuhan-tumbuhan ini? (sambil menunjuk ke atas senarai nama-nama pokok herba di atas kertas)”.

Hafizan: “Tidak tahu pokok ni. Tak pernah dengar sejak ni”.

Kairul: “Ada yang pernah dengar, ada yang tak pernah dengar. Macam tunjuk langit, paku miding, mascotek pernah dengar tapi tak kenal pokok. Tak tahu lah pokok ni boleh buat ubat”.

Kini, penduduk di penempatan ini tidak mengamal lagi perubatan tradisional. Hal ini kerana orang-orang tua dahulu tidak menurunkan ilmu perubatan tradisional kepada generasi muda. Pada masa yang sama, mereka lebih selesa dan yakin dengan perubatan moden. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Masa saya kecil ada yang guna ubat kampung ada yang dah pegi hospital dan klinik... orang kampung guna ubat kampung dah pupus sekarang... sekarang orang kampung tidak yakin dah ubat kampung ni”.

Pada awal tahun 60-an, komuniti orang Asli di Kampung Runchang mula mendapatkan rawatan perubatan moden. Selepas penempatan orang Asli menerima program RPS, mereka mendapat akses kemudahan kesihatan dalam penempatan mereka. Klinik Desa RPS Runchang telah dibina pada tahun 1996 untuk kemudahan komuniti orang Asli di kawasan tersebut mendapatkan rawatan kesihatan. Perkhidmatan yang disediakan dalam klinik ini adalah rawatan ibu mengandung, rawatan kanak-kanak dan perancangan keluarga. Bagi mengurangkan kadar kematian ibu semasa bersalin, mereka akan di tempatkan di rumah penempatan sementara di Pusat Kesihatan Chini sementara menunggu hari bersalin. Generasi baru kini telah tidak percaya dengan perubatan tradisional. Kemudahan kesihatan yang disediakan dalam penempatan ini telah meningkat kesihatan penduduk di kampung ini. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Sekarang ada klinik kat kampung senang orang kampung nak jumpa doktor...ambil ubat rawat sakit-sakit... tak perlu pegi jauh-jauh lagi... klinik ni dapat tolong rawat banyak penyakit... ubat pun bagus, cepat baik sakit-sakit... dulu kadang-kadang kalau bersalin ada kematian ibu ada bayi yang mati... sekarang tidak berlaku dah bila bersalin di hospital”.

Namun begitu, terdapat juga impak yang negatif akibat daripada penempatan semula orang Asli. Selepas penempatan semula orang Asli, mereka telah terdedah dengan penyakit berjangkit seperti taun, cirit-birit, batu kering (TB) dan chikungunya. Penyakit berjangkit ini disebar oleh agen jangkitan atau vektor seperti bakteria, fungus, parasit dan virus. Penyakit ini mulanya banyak berlaku di kawasan bandar sehingga merebak ke kawasan pedalaman (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2015). Rebakan penyakit berjangkit mula berlaku pada tahun 90-an. Perkara ini dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“Sekitar tahun 90-an, terdapat rebakan penyakit berlaku kepada orang Asli RPS Runchang. Pada tahun tersebut, Ramai orang Asli di RPS Runchang mendapat penyakit taun, cirit-birit, batuk kering (TB) dan chikungunya”.

Secara keseluruhannya, terdapat perubahan yang amat ketara dalam aspek kesihatan orang Asli terutamanya dalam kaedah rawatan perubatan. Sebelum mereka menerima program RPS, mereka mengamalkan perubatan tradisional berdasarkan herba-herba yang diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan. Risiko kematian kelahiran juga adalah tinggi dengan menggunakan kaedah bidan kampung. Pada tahun 60-an, orang Asli mula mendapat akses perubatan moden di bandar yang terdekat.

#### c. Perubahan pendidikan

Pada asalnya, terdapat ramai anak orang Asli tidak bersekolah kerana jarak sekolah yang jauh disamping tiada kemudahan pengangkutan yang baik ketika itu. Keadaan ini semakin teruk lagi apabila lokasi penempatan mereka yang jauh dan berbukit bukau menjadi penghalang kepada mereka untuk ke sekolah. Perkara ini dinyatakan oleh seorang responden seperti berikut:

“...Dulu-dulu banyak orang kampung tidak bersekolah... susah nak ke sekolah dulu... jauh sekolah kalau nak sekolah... dulu hidup susah, tiada duit nak hantar anak pegi sekolah... tiada kereta atau moto (motosikal) nak hantar anak pegi sekolah...orang kampung yang bersekolah pun pergi ke sekolah di Kampung Mempelam guna jalan sungai... ada juga bersekolah di kampung Batu Gong guna jalan hutan...”.

Kesedaran kepentingan pendidikan pada masa dahulu juga adalah rendah. Komuniti orang Asli dahulu lebih mementingkan pendidikan kelangsungan hidup seperti kemahiran memburu dan berkebun. Oleh itu, mereka lebih suka anak-anak mereka bekerja daripada bersekolah. Perkara ini dinyatakan oleh seorang responden seperti berikut:

“...Dulu nenek tak suruh anak-anak pegi sekolah... nenek lebih suka mereka belajar menanam pokok, macam mana nak cari duit... buat-buat kerja kampung, tangkap binatang, tangkap ikan”.

Perkara yang sama turut dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Orang tua pakcik dulu tak suruh pun pegi bersekolah... mereka suruh saya bekerja cari duit, belajar buat kerja-kerja kampung... mereka cakap sekolah pun tak pergi jauh... nanti kerja kampung juga... sebab tu pakcik tak bersekolah dulu”.

Oleh itu, komuniti orang Asli dahulu tidak menekankan aspek pendidikan. Mereka lebih menekankan pendidikan kelangsungan hidup seperti kemahiran memburu dan berkebun. Mereka lebih suka anak-anak mereka bekerja daripada bersekolah. Perkara ini selaras dengan dapatan kajian Redzuan dan Gill (2008) bahawa komuniti orang Asli melihat pendidikan formal tidak mampu dalam mengubah kehidupan mereka. Mereka lebih menekankan pendidikan kelangsungan hidup kepada anak-anak mereka supaya anak-anak mereka dapat menjalankan kehidupan tanpa bergantung kepada ibu bapa mereka.

Selepas komuniti orang Asli di Runchang menerima program RPS, tahap pendidikan anak-anak orang Asli semakin meningkat. Mereka telah dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira dengan baik. Usaha meningkatkan taraf pendidikan merupakan sebahagian daripada objektif JAKOA. Penubuhan pusat pendidikan di penempatan ini telah membuka minda komuniti orang Asli terhadap pentingnya pendidikan pada masa kini. Oleh itu, ramai ibu bapa komuniti orang Asli menghantar anak-anak bersekolah di SK Runchang. Kesedaran mengenai kepentingan pendidikan telah dinyatakan oleh seorang informan seperti berikut:

“...Saya suruh anak-anak saya pegi sekolah semua supaya pandai... kalau belajar tinggi-tinggi senang dapat kerja... boleh jadi macam bapa dia (pegawai polis)... sekarang nak belajar senang tak macam dulu. Nak pegi sekolah pun dekat, situ saja...tadika dengan taska pun ada... cucu makcik pun ada dua orang hantar pegi sekolah pra... JAKOA pun bantu bagi wang saku... ambil dengan hantar budak-budak ke asrama bagi sekolah menengah”.

Peningkatan pendidikan anak-anak orang Asli di penempatan ini juga dapat dilihat melalui pencapaian peperiksaan UPSR. Terdapat beberapa anak-anak orang Asli di kalangan informan dalam kajian ini telah mencatatkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan UPSR daripada tahun 2012 hingga 2015. Pencapaian ini dapat dilihat dalam Jadual 4.

**Jadual 4.** Pelajar cemerlang UPSR SK Runchang tahun 2012-2015

Jantina pelajar	Pencapaian	Tahun
Perempuan	3A, 2B	2012
Lelaki	5A	
Lelaki	5A	
Lelaki	5A	2013
Perempuan	4A, 1B	
Lelaki	5A	
Lelaki	3A, 2B	2014
Lelaki	3A, 2B	
Lelaki	5A	
Lelaki	5A	2015
Perempuan	5A	

Berdasarkan Jadual 4, didapati bahawa pencapaian akademik komuniti orang Asli di RPS Runchang adalah semakin meningkat. Oleh itu, tiada penghalang kepada anak-anak

orang Asli untuk mencapai kejayaan dalam bidang pendidikan seperti masyarakat lain. Pencapaian pendidikan yang cemerlang ini telah meletakkan Sekolah Kebangsaan Runchang di tempat kedua sekolah cemerlang dalam peringkat kebangsaan bagi sekolah-sekolah orang Asli pada tahun 2016. Ini merupakan satu peningkatan dalam bidang pendidikan orang Asli di RPS Runchang berbanding dengan pendidikan orang Asli sebelum ini.

Namun begitu, terdapat juga masalah yang dihadapi oleh pelajar orang Asli di penempatan tersebut. Masalah yang dihadapi adalah kehadiran pelajar. Pada awal permulaan sesi persekolahan, kehadiran pelajar orang Asli adalah sangat tinggi. Namun begitu, peratusan kehadiran pelajar ini akan menurun apabila hampir dengan penghujung persekolahan. Perkara ini dinyatakan oleh guru sekolah Sekolah Kebangsaan Runchang seperti berikut:

“...Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh anak-anak orang Asli terutamanya kehadiran... kehadiran anak-anak ini adalah sangat rendah. Mereka mengikut *trend*. Kehadiran awal persekolah adalah sangat tinggi. Apabila hujung persekolah lama kelamaan menjadi rendah hari sukan juga kehadiran tinggi... awal persekolahan ramai yang datang sekolah sebab ada pemberian bantuan persekolahan”.

Selain faktor kehadiran, terdapat juga masalah keciciran pelajaran dalam kalangan anak-anak orang Asli. Keciciran pelajaran ini berlaku pada peringkat sekolah menengah iaitu mereka gagal menyambung pelajaran ke sekolah menengah setelah tamat pengajian sekolah rendah. Faktor utama keciciran pelajaran ke sekolah menengah adalah kerana jarak sekolah menengah yang jauh dan keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa tinggal di asrama. Pelajar yang tidak dapat berjauhan dengan kampung telah membuat keputusan untuk tidak bersekolah.

## Kesimpulan

Selama 31 tahun selepas pelaksanaan RPS, beberapa perubahan positif telah dikesan terutamanya daripada aspek pekerjaan, pendapatan dan pola penggunaan perkhidmatan kesihatan. Berdasarkan aspek pekerjaan, ramai daripada penduduk tempatan jelas telah berubah daripada pencarian hasil hutan kepada sektor pertanian dan sektor kerajaan serta swasta. Program pertanian yang dilaksanakan oleh JAKOA dengan kerjasama FELDA dan FELCRA telah menawarkan inisiatif pemberian dividen serta peluang pekerjaan kepada penduduk kampung sebagai pekebun kecil. Seterusnya, strategi menerusi pendidikan ternyata membuka minda penduduk tempatan supaya mampu meneroka peluang bagi membina kehidupan yang lebih baik melalui penglibatan dengan pelbagai jenis pekerjaan yang bukan tradisional. Keadaan ini mengurangkan pergantungan kepada pengeksplotasi kawasan hutan. Status pendidikan orang Asli di RPS Runchang ini secara keseluruhannya meningkat. Kebanyakan anak-anak orang Asli telah ke sekolah dan mereka juga dapat menguasai kemahiran membaca dan menulis. Terdapat juga dalam kalangan mereka mencatat keputusan yang cemerlang seperti anak-anak masyarakat lain.

Dalam aspek kesihatan pula, jelas kelihatan komuniti orang Asli yang ditempatkan dekat bandar seperti kampung RPS Runchang ini lebih banyak mendapatkan rawatan daripada perubatan moden jika dibandingkan dengan perubatan tradisional. Perubahan kaedah penjagaan kesihatan ini adalah usaha daripada strategi kerajaan melalui JAKOA dalam meningkatkan tahap kesihatan menerusi pembangunan kesihatan di RPS. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh komuniti orang Asli di RPS Runchang

seperti pengangguran dalam kalangan belia dan kemiskinan. Pengangguran berlaku disebabkan golongan belia pada masa kini tidak berminat dengan pekerjaan kampung seperti berkebun. Selain itu, mereka tidak berminat untuk bekerja di bandar disebabkan mereka tidak dapat menyesuaikan diri dalam corak kehidupan bandar. Oleh itu, mereka yang bekerja di bandar sebelum ini adalah tidak kekal lama. Pada masa yang sama mereka juga gagal untuk mendapatkan pekerjaan di bandar disebabkan tahap pendidikan yang rendah.

Keseluruhannya, aspek kesihatan orang Asli didapati mengalami perubahan secara menyeluruh berbanding aspek ekonomi dan pendidikan. Sehubungan itu, aspek sosioekonomi perlu ditekankan lagi dalam proses pembangunan orang Asli di Malaysia. Hal ini bagi memastikan peningkatan dalam indeks Kesejahteraan Hidup masyarakat orang Asli yang akan meningkatkan indeks kesejahteraan hidup Malaysia umumnya.

## Penghargaan

Kajian ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (Kod Projek: FRGS/1/2015/SS04/UKM/02/1), Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan tajuk “*Redefining the well-being of the orang Asli of Peninsular Malaysia and benchmarking against the Maori of New Zealand*”. Penerbitan makalah ini telah dibiayai melalui dana penyelidikan Geran Kursi Endowmen MPOB-UKM (Kod: EP-2017-061).

## Rujukan

- Abdullah, J., Borhan, M.A.A., & Ahmad, C.B. (2015). Orang Asli resettlement in urban environment at Bukit Lanjan, Selangor, Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 201, 71-79.
- Asnarulkhadi, A.S., & Hanani, H.H. (2008). Orang Asli: Pembangunan dan ekologi hutan. In Redzuan, M., & Gill, S.S. (Eds.), *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Benjamin, G. (1976). Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsular. In Philip N. Jenner, Laurence C. Thompson, & Stanley Starosta (Eds.), *Austroasiatic Studies Vol.* (pp. 37-128). Honolulu, University Press of Hawaii.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. New York, Oxford University Press.
- EPU. (2015). *Eleventh Malaysia Plan*. Putrajaya, Economic Planning Unit, Prime Minister's Department.
- Department of Orang Asli Development (JAKOA) (2011). Retrieved from <http://www.jakoa.gov.my>.
- Devamany, S.K. (2013). Impak sosioekonomi program penempatan tersusun: Kajian kes masyarakat orang Asli di parlimen Cameron Highlands (Master dissertation). Retrieved from Universiti Utara Malaysia.
- Hanita Hanim, D.D. (2010). Dasar dan pembangunan rancangan pengumpulan semula (RPS) orang Asli: Kajian kes di Runchang, Pahang, 1970an-1990an (Unpublish dissertation). Retrieved from Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Hassan, M.N. (1989). Pengumpulan semula Orang Asli di Betau: Satu penelitian ringkas. *Akademik*, 35, 17-112.
- Jabatan Perancang Ekonomi. (2013). *Malaysian Well-being Report 2013*. Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). (2012). Laporan Sosioekonomi Orang Asli.

- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2015). Sejarah penubuhan perkhidmatan kesihatan Orang Asli. Retrieved from <http://hoag.moh.gov.my>.
- Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. (2015). *Kehidupan sejahtera*. Putrajaya, Laporan Tahunan 2015.
- Khoso, A., & Yew, V.W.C. (2015). Promotion and protection of the rights of orang Asli in Peninsular Malaysia: A study of the Suhakam. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 11(13), 86-95.
- Marvasti, A.B. (2004). *Qualitative research in sociology: An introduction*. London, Sage Publications Ltd.
- Merriem, S.B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco, Jossey-Bass.
- Mustaffa, O. (2004). Dampak ekonomi daripada Rancangan Pengumpulan Semula Komuniti Jakun di Kumin Bekok, Segamat, Johor. *Kertas Prosiding dalam Seminar Hasil Penyelidikan Peringkat Kebangsaan*, 2(1).
- Mustaffa, O. (2008). Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) masyarakat orang Asli: Pencapaian dan cabaran. In Redzuan, M., & Gill, S.S. (Eds.), *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Newman, M., Thompson, C., & Roberts, A.P. (2006). Helping practitioners understand the contribution of qualitative research to evidence-based practice. *Evidence-Based Nursing*, 9, 4-7.
- Nicholas, C. (2000). *The orang Asli and the contest for resources indigenous politics, development and identity in Peninsular Malaysia*. Copenhengen, International Work Group for Indigenous Affairs.
- Redzuan, M.R., & Gill, S.S. (2008). *Orang Asli: Isu, transformasi dan cabaran*. Serdang, Universiti Putra Malaysia.
- Siti Nor Awang, Kamal Solhaimi Fadzil, Juli Edo, Rosilawati Zainol, & Firuza Begham Mustafa. (2012). 50 tahun berlalu ke mana Jahai dan Temiar di hutan hujan Belum-Temenggor. In *Perancangan dan Pembangunan Komuniti*. Sintok, Penerbit UUM.
- Taylor, S.J., & Bogdan, R. (1984). *Introduction to the qualitative research methods: The search for meaning*. Toronto, John Wiley & Son.
- Unit Perancang Ekonomi. (2010). Rancangan Malaysia Kesepuluh: 20111-2015. Putrajaya, Jabatan Perdana Menteri. Retrieved from <http://www.pmo.gov.my>.